

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.*
2. ***Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.*
3. *Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

5226/2 © 2009 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Apakah maksud fitrah beragama? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** ciri orang yang berpegang dengan Islam. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** peranan mukjizat Rasul. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** keistimewaan manusia sebagai makhluk Allah SWT. [4 markah]
- (d) Nyatakan **dua** contoh pengaruh asing yang bertentangan dengan Islam. [2 markah]
- (e) Terangkan **dua** cara menjauhi pengaruh ajaran sesat. [4 markah]
- 2 (a) (i) Senaraikan **dua** ciri agama budaya (*wad'ie*). [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** sebab agama budaya (*wad'ie*) tidak diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
- (b) Terangkan **tiga** cara mengamalkan kesederhanaan dalam kehidupan. [6 markah]
- (c)

Kewujudan projek koridor raya multimedia adalah hasil pemikiran positif yang bersesuaian dengan prinsip waqi'iyah.
--
- Kemukakan **dua** cara berfikir yang bersesuaian dengan prinsip waqi'iyah untuk menjayakan projek tersebut. [4 markah]
- (d) Islam memberi kelonggaran kepada orang yang sakit mengerjakan solat mengikut kemampuannya. Kemukakan **dua** hikmah Islam memberikan kelonggaran tersebut. [4 markah]

- 3 (a) Senaraikan **empat** ciri pemimpin menurut Islam. [4 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** prinsip kehakiman Islam. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** tanggungjawab hakim menurut Islam. [4 markah]
- (c) Terdapat tiga peraturan keterangan semasa perbicaraan. Jelaskan **dua** daripada peraturan tersebut. [4 markah]
- (d) Huraikan **dua** kesan terhadap masyarakat sekiranya hakim tidak berlaku adil. [4 markah]
- 4 (a) Jelaskan **dua** syarat supaya pekerjaan diterima sebagai ibadah. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **empat** ciri muamalah menurut Islam. [4 markah]
- (ii) Bagaimanakah konsep *at-Ta'awun* (kerjasama) dalam Sistem Muamalah Islam mendatangkan kebaikan kepada masyarakat? [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kepentingan muamalah dalam kehidupan. [4 markah]
- (c) Cadangkan **tiga** usaha untuk menggalakkan umat Islam bermuamalah mengikut syarak. [6 markah]
- 5 (a) Jelaskan **tiga** tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. [6 markah]
- (b) (i) Jelaskan **dua** perbezaan antara hukum sunat dengan hukum makruh. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** hikmah meninggalkan perkara-perkara makruh. [4 markah]
- (c) Seorang pelajar telah insaf dan bertaubat selepas didapati bersalah kerana mencuri di sekolah. Terangkan **dua** kesan taubat terhadap pelajar tersebut. [4 markah]
- (d) Nyatakan contoh kesalahan dan hukuman yang boleh dijatuhkan hukum hudud. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

- 6 (a) Jelaskan **dua** sebab setiap masalah perlu diselesaikan secara Islam. [4 markah]
- (b) Sebahagian ahli jawatankuasa sebuah persatuan yang anda ketuai tidak melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka.
Jelaskan **dua** tindakan yang perlu anda lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut. [4 markah]
- (c) Kes buang bayi merupakan masalah sosial yang semakin membimbangkan.
- (i) Huraikan **dua** sebab masalah tersebut masih berlaku. [4 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** usaha untuk mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (d) Ahmad, Ah Seng dan Arumugam sedang berbincang untuk menjalankan aktiviti bagi mengukuhkan perpaduan kaum di sekolah mereka.
Senaraikan **empat** contoh aktiviti yang boleh mereka laksanakan. [4 markah]
- 7 (a) (i) Apakah maksud hak milik dalam Islam? [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** contoh harta yang menjadi hak milik negara. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** kepentingan hak milik harta kepada manusia. [4 markah]
- (b) Orang yang merosakkan harta awam boleh dikenakan hukuman takzir kerana menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.
- (i) Nyatakan **dua** hukuman takzir yang boleh dikenakan kepada pesalah tersebut. [2 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** langkah bagi mencegah perbuatan tersebut. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** implikasi sekiranya anda tidak memiliki pekerjaan dalam kehidupan. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT